

## KESEJAHTERAAN PSIKOLOGI PAMER PERKHIDMATAN CEMERLANG

Kesejahteraan psikologi amat penting dalam kalangan penjawat awam supaya perkhidmatan yang diberikan berada pada tahap terbaik. Ia juga akan melahirkan penjawat awam yang dinamik, progresif dan berdaya saing melalui kecerdasan mental, emosi serta fizikal.

Kesihatan juga memainkan peranan yang penting dalam menggerakkan individu untuk melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti yang menyumbang ke arah perkembangan dan pertumbuhan individu pada setiap tahap kehidupan. Di samping itu, kesihatan juga menyediakan sumber dalaman dan luaran untuk individu melibatkan diri serta membina pertumbuhan dan perkembangan kehidupan yang sempurna.

Kesihatan holistik atau kesejahteraan merangkumi dimensi psikologi, fizikal, sosial, intelektual, spiritual, pekerjaan dan persekitaran. Individu yang didefinisikan mencapai kesejahteraan adalah individu yang mencapai tahap optimum bagi keseluruhan dimensi di atas.

Kesimpulannya, tinggi, sederhana atau rendahnya tahap kesejahteraan psikologi individu dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Oleh yang demikian, untuk meningkatkan tahap kesejahteraan psikologi individu, mereka perlu diberi latihan cara menangani tekanan, berfikir positif dan kemahiran daya tindak cara menyelesaikan masalah.

Semoga semua penjawat awam dapat memanfaatkan maklumat yang diperoleh dalam Seminar Kesejahteraan Psikologikal anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan pada 12 Jun 2014 yang telah diadakan di Wisma Negeri, Seremban.

**YB. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan**  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan**  
**Merangkap Pengerusi**  
**Perbadanan Perpustakaan Awam**  
**Negeri Sembilan Darul Khusus**



"BANGSA MEMBACA  
1 MALAYSIA BERJAYA"

[www.nslibrary.gov.my](http://www.nslibrary.gov.my)

Diterbitkan setiap bulan oleh :  
Perbadanan Perpustakaan Awam,  
Negeri Sembilan

DAFTARLAH SEBAGAI AHLI

TEMUI KAMI DI :



Perbadanan Perpustakaan  
Awam, Negeri Sembilan






**Judul** : Biar Tahu Jangan Keliru  
**Pengarang** : Mohamad Abdul Kadir  
**No. Panggilan:** 297 MAK  
**Bahagian** : Pinjaman(Dewasa)  
**Harga** : 19.90  
**Penerbit** : Karya Bestari



**Judul** : Calon Menantu Mama  
**Pengarang** : Amiza Anaz,  
**No. Panggilan:** MF AMI  
**Bahagian** : Pinjaman(Dewasa)  
**Harga** : 23.00  
**Penerbit** : Alaf 21



**Judul** : Ketuk-ketuk Sheila Rusly  
**Pengarang** : Sheila Rusly  
**No. Panggilan:** 641.59595 SHE  
**Bahagian** : Pinjaman (Dewasa)  
**Harga** : 21.00  
**Penerbit** : Alaf 21



**Judul** : Perang Salib Pertama  
**Pengarang** : Abdul Latip Talib,  
**No. Panggilan:** 297.18 ALT  
**Bahagian** : Pinjaman (Dewasa)  
**Harga** : 22.00  
**Penerbit** : PTS Publications



**Judul** : Mengapa Rasulullah Tidak Mudah Sakit  
**Pengarang** : Asadullah al-Faruq  
**No. Panggilan:** 613 ASA  
**Bahagian** : Pinjaman (Dewasa)  
**Harga** : 17.00  
**Penerbit** : Kemilau Publika

## SIDANG PENGARANG BULETIN

### PENAUNG

Y.B. Dato' Haji Mat Ali bin Hassan  
 Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan  
 Merangkap Pengerusi  
 Perbadanan Perpustakaan Awam  
 Negeri Sembilan Darul Khusus

### PENASIHAT

Jamilah @ Chumila binti Haji Katis  
 Pengarah  
 Perbadanan Perpustakaan Awam  
 Negeri Sembilan Darul Khusus

### KETUA PENGARANG

Norasyikin binti Yusof  
 Ketua Unit Perhubungan Awam, PPANS

### SIDANG PENGARANG

Norhayati binti Ismail  
 Siti Juhaida binti Husin  
 Amar Affizi bin Aziz  
 Ketua-Ketua Bahagian  
 Ketua-Ketua Unit  
 Ketua-Ketua Zon

### PENYELARAS DAN PENGEDARAN

Salwati binti Mohd Salleh  
 Unit Perhubungan Awam, PPANS

### REKA BENTUK

Nine Over Ten Dot Biz

### JURUFOTO

Unit Media PPANS

### PENERBITAN

Unit Perhubungan Awam  
 Perbadanan Perpustakaan Awam  
 Negeri Sembilan Darul Khusus  
 Tel : 06-763 5989/06-762 1308  
 Faks : 06-763 5944  
 E-Mel : proppans@gmail.com  
 laman Sesawang: www.nslibrary.gov.my

Sidang Pengarang Buletin PPANS amat  
 engalu-alukan pandangan, cadangan dan  
 komentar terhadap buletin ini.  
 Pandangan dan cadangan dalam  
 menambah baik buletin amat dihargai.

## ULASAN BUKU

**Tajuk Buku :** Ensiklopedia Al-Quran

**Penerbit :** Must Read

**Lokasi :** Perpustakaan Negeri,  
 Seremban & Cawangan

### Sinopsis:

Ensiklopedia Al-Quran menceritakan perjalanan sebuah kitab Agung yang diturunkan untuk umat akhir zaman. Sebuah wahyu yang mula diturunkan di Gua Hira' kepada seorang Rasul yang tidak tahu membaca dan menulis, kemudian perlu disampaikan kepada kaumnya yang juga buta huruf.

Namun kebesaran wahyu Allah SWT ini, ia dapat berkembang dari sebuah kota ke sebuah negara dan seterusnya tersebar ke seluruh dunia dan bertahan lebih 1400 tahun. Tintanya hanya dakwat dari cairan warna-warni. Lembarannya hanya kertas daripada tumbuh-tumbuhan kenaf yang melata di bumi. Ia adalah nur petunjuk jalan bagi insan yang punya mata hati. Teksnya adalah wahyu yang boleh diterima oleh insan pilihan dan suci (Nabi dan Rasul). Wahyu yang merupakan himpunan firman Allah SWT, Tuhan yang Esa. Dialah Tuhan langit dan bumi. Apakah yang lebih tinggi dan suci daripada semua itu? Untuk pembacaan lanjut, dapatkan buku ini di Perpustakaan Negeri Seremban dan Cawangan.



## GLOSARI ADAT

### Mendirikan olek

Meletakkan peralatan adat dan kebesaran adat sebelum menjalankan adat seperti pesta kahwin sesuai dengan taraf ketua adat yang dijemput

### Menempuh jejak

Pelakuan kedua-dua pengantin balik ke rumah pengantin perempuan setelah tamat pesta kahwin di rumah pengantin lelaki. Istiadat ini dikenali juga sebagai menjelang jejak dan melipur jejak

### Kubangan

Tanah pusaka suku tempat seseorang itu dilahirkan

### Kui

Bangunan untuk menyimpan padi yang telah dipisahkan daripada tangkai

# BERITA GRUP SAYANGI PERPUSTAKAAN



Grup Sayangi Perpustakaan

Seramai 743 pelajar sekolah telah menyertai Program Sayangi Perpustakaan iaitu Sekolah Kebangsaan Guduk, Gemenchek, 19 Jun 2014, Sekolah Menengah Kebangsaan Undang Jelebu, 23 Jun 2014 dan Sekolah Kebangsaan Dato' Abdullah, Gemenchek, 24 Jun 2014. Seperti di sekolah-sekolah lain sambutan terhadap Grup Sayangi Perpustakaan amatlah mengembirakan hati kami semua. Pelbagai aktiviti menarik yang telah disediakan untuk pelajar sekolah seperti kuiz, Jom Membaca, bijak matematik, berkreaitif dan yang paling menyeronok bagi pelajar sekolah ialah persembahan Boneka "Mari Bersama Chot". Kepada para guru besar, guru-guru dan pelajar sekolah, diucapkan ribuan terima kasih.



## INFO TAHUKAH ANDA?

### Wow! Lidah Zirafah Sepanjang Hampir 2 Kaki

Zirafah diketahui sebagai haiwan paling tinggi di dunia. Namun tahukah anda bahawa lidah zirafah sangat panjang sehingga ia mampu mencuci, atau 'menggaru' telinganya sendiri. Haiwan darat yang berleher panjang ini memiliki lidah sepanjang 21 inci (53 cm) dan mengambil makanan 36 kilogram daun sehari. Wah! hebatnya....



## PERKONGSIAN MAKLUMAT

Pada 12 Jun 2014, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah menerima kunjungan dari Perpustakaan Universiti Islam Sultan Syarif Ali, Brunei Darul Salam. Tetamu dari jauh ialah Haji Mohd Yaakob bin Haji Othman, Ketua Pustakawan dan Haji Isa bin Haji Mohd Tahir, Ketua Bahagian Teknologi Maklumat berhasrat untuk berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pendapat mengenai perkhidmatan perpustakaan. Semoga kunjungan ini memberi makna dan gembira dalam perjalanan di Negeri Sembilan.



## TARIAN TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN

Rakaman Sejarah Lisan telah diadakan pada 10 Jun 2014, bersama-sama En. Wahid bin Basir, iaitu aktivis seni yang giat dalam memperjuangkan tarian tradisional Negeri Sembilan iaitu Tarian Piring. Rakaman tersebut telah diadakan di Perpustakaan Awam Cawangan Jelebu, Negeri Sembilan.



## PERHIMPUNAN WARGA PPANS DAN PERPUSTAKAAN DESA PNM BIL 2 |2014

Warga PPANS dan Perpustakaan Desa PNM kembali berkumpul bersama-sama sempena Perhimpunan Warga PPANS Bil. 2 | 2014 pada 16 Jun 2014.

Perhimpunan merupakan wadah perjumpaan dan peluang kakitangan untuk beramah mesra dan berkongsi maklumat terkini perkhidmatan perpustakaan. Antara pengisian adalah Taklimat Keselamatan Kebakaran oleh United Asia Fire Prevention Services Sdn. Bhd. dan Bengkel Penjagaan dan Baik Pulih Bahan Koleksi oleh Adam Chin, Access Innotech Sdn. Bhd.



## SEMINAR KESEJAHTERAAN PSIKOLOGIKAL

Seminar Kesejahteraan Psikologikal anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan telah dihadiri oleh Puan Jamilah bt Haji Katis, Pengarah PPANS dan 4 orang pegawai PPANS. Seminar selama 1 hari pada 12 Jun 2014 ini banyak memberi maklumat mengenai kesejahteraan Psikologikal Penjawat Awam. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Seri Zainal Rahim bin Seman, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Kesejahteraan psikologi adalah kemampuan individu untuk menangani stress, mengelakkan konflik, meningkatkan ketenangan, merangsang motivasi dan meningkatkan keyakinan diri dalam kehidupan. Amat penting penjawat awam mempunyai psikologi yang sejahtera.



## MESYUARAT AGUNG KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PPANS

Mesyuarat Agung (KESUKA) telah diadakan pada 16 Jun 2014 bagi mengadakan pemilihan barisan AJK baharu. En. Rizwan bin Mohd Yusof, Pemangku Penolong Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan) telah dilantik sebagai Yang Di Pertua KESUKA yang baharu bagi tahun 2014 hingga 2016. Terdapat juga muka lama yang masih diberi kepercayaan untuk memantapkan kelab. Selamat menjalankan tugas barisan ahli jawatankuasa 2014 – 2016.



## JASAMU DI KENANG

Dua orang kakitangan PPANS yang telah bersara diraikan dalam majlis yang diadakan di Perpustakaan Negeri, Seremban pada 18 Jun 2014.

Puan Fatimah binti Saidan, telah 14 tahun berkhidmat, manakala Puan Puziah binti Yusof, telah 32 tahun berkhidmat di perpustakaan. Jasa dan sumbangan terhadap perkhidmatan perpustakaan sangat dihargai.

Majlis telah dihadiri oleh Puan Jamilah bt Haji Katis, Pengarah Perbadanan Awam N.Sembilan. Majlis Persaraan yang dipenuhi dengan airmata setiap yang hadir kerana perpisahan ini.



## KEMPEN MERAKYATKAN BUDAYA MEMBACA PERINGKAT DAERAH SEREMBAN

26 Jun 2014, sekali lagi lagi Perpustakaan Masjid Negeri, Seremban mengadakan Kempen Merakyatkan Budaya Membaca Peringkat Daerah Seremban.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YB. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Sembilan merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kebudayaan & Adat Istiadat Melayu Negeri Sembilan. Turut hadir bersama-sama ialah Tuan Hasnol Mohamed, Pegawai Daerah Seremban merangkap Pengerusi Jawatankuasa Gerakan Membaca Daerah Seremban, Puan Jamilah binti Haji Katis, Pengarah PPANS dan Imam Besar Masjid Negeri, Ustaz Ahmad Damiri bin Yahya.

Kempen Merakyatkan Budaya Membaca Peringkat Daerah Seremban telah mengadakan aktiviti Pertandingan Nasyid Bahasa Inggeris, Pertandingan Membaca Khutbah, Pertandingan Kompang Berselawat dan Bicara Ilmu bersama-sama Ustaz Hafiz dari Juara Program Pencetus Ummah.



## LAWATAN PAMERAN MANUSKRIP

Seramai 12 orang pegawai dan kakitangan PPANS telah membuat lawatan ke Pameran Manuskrip Melayu 2014, Perpustakaan Negara Malaysia.

Rombongan pelawat telah mendengar taklimat yang disampaikan oleh Puan Suriati, Pegawai Perpustakaan Negara Malaysia dan melawat sekitar kawasan pameran.

Sangat berbaloi melawat ke Pameran Manuskrip Melayu ini kerana banyak pengetahuan dan manuskrip-manuskrip lama yang dipamerkan mempunyai nilai yang sangat tinggi.



## JEJAK MAKLUMAT BERSAMA PELAJAR SEKOLAH KEBANGSAAN SENDAYAN

Pada 18 Jun 2014, Zon Kanak-kanak Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan telah mengadakan aktiviti 'explorace' bersama-sama pelajar Sekolah Kebangsaan Sendayan. Seramai 40 orang pelajar sekolah telah menyertai aktiviti ini. Para peserta ternyata teruja untuk menyertai aktiviti ini dan telah berjaya menghabiskan tugas di semua 'checkpoint'. Hadiah telah di sampaikan oleh Puan Fatimah binti Saidan.

